

## **KANDUNGAN**


**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO.9 HINGGA NO. 74 )**

**(SOALAN NO.6 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.18)**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**



**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2018)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN**  
**[SIK]**  
**TARIKH** : **7 MAC 2018 [RABU]**  
**SOALAN** : **9**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan program dan langkah yang dibuat oleh pihak Kementerian dalam membudayakan inovasi dan kreativiti di kalangan pelajar sekolah termasuk IPT.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melaksanakan pelbagai program dan langkah untuk memupuk dan membudayakan inovasi dan kreativiti di kalangan pelajar sekolah termasuk institusi pengajian tinggi (IPT). Program dan langkah-langkah yang dilaksanakan adalah selaras dengan Teras Strategik Dasar Sains, Teknologi Dan Inovasi Negara (DSTIN) iaitu menggalak dan memupuk kesedaran sains, teknologi dan inovasi (STI).

Antara program yang dilaksanakan ialah Program Karnival Kreativiti dan Sains4u (Sc4u), PSN SciFest, Kejohanan Raket Kebangsaan, Kimia Ke Desa, Pertandingan Robot Tempur Malaysia dan *National Science Challenge*. Program-program ini dilaksanakan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bersama kementerian dan jabatan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan serta badan-badan bukan kerajaan.

Sebagai contoh, Pertandingan Robot Tempur Malaysia yang diadakan setiap tahun bermula 2014. Pertandingan ini telah menarik penyertaan seramai 40 pasukan setiap tahun yang terdiri daripada IPT awam, swasta dan Institut Latihan Perindustrian seluruh Malaysia. Aktiviti berkonsepkan pertandingan ini merupakan antara salah satu elemen pembelajaran sains tidak formal yang dapat mencetus kreativiti di kalangan pelajar.

Selain itu, MOSTI juga menganjurkan Pertandingan *National Science Challenge*. Pertandingan ini merupakan sebuah pertandingan sains yang direka untuk meningkatkan kefahaman, kesedaran dan penghayatan terhadap kajian sains di kalangan pelajar tingkatan empat. Pada tahun 2017, seramai 11,790 orang pelajar tingkatan empat dari seluruh negara telah menyertai pertandingan ini. Peringkat akhir pertandingan ini dijalankan dalam bentuk kem sains di mana pelajar-pelajar tingkatan empat ini di bawa ke universiti penyelidikan Malaysia yang terpilih dan mereka didedahkan dengan kehidupan sebagai seorang saintis termasuk dengan penyelidikan yang dilakukan oleh saintis-saintis di universiti penyelidikan tersebut. Kem sains ini diselia oleh saintis-saintis muda yang bukan sahaja dari universiti penyelidikan awam bahkan universiti swasta juga.

4

Bagi menyemarakkan lagi aktiviti membudayakan inovasi dan kreativiti di kalangan pelajar sekolah dan IPT, Kementerian ini turut menganjurkan Anugerah Inovasi Negara (AIN). Penganjuran AIN bertujuan mencungkil serta mengiktiraf bakat kreativiti dan hasil inovasi dalam bidang STI. Anugerah ini mensasarkan penyertaan daripada seluruh peringkat masyarakat terutamanya di kalangan pelajar sekolah dan IPT melalui dua kategori utama iaitu Kategori Akar Umbi atau Kategori Sekolah.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada tahun ini, Kementerian akan melaksanakan empat siri program Karnival Negaraku Berinovasi di Sarawak, Sabah, Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Program ini bertujuan untuk memasyarakatkan, membudaya dan memberi kesedaran mengenai kepentingan STI kepada semua lapisan masyarakat termasuk golongan pelajar sekolah, IPTA dan IPTS.

Kementerian ini akan sentiasa merangka dan melaksanakan program-program pembudayaan STI untuk disertai oleh pelajar-pelajar sekolah, IPTA dan IPTS di seluruh negara dalam usaha bagi menggalakkan pemikiran inovatif dan kreatif dikalangan rakyat Malaysia.

Pada masa yang sama, Pelan Tindakan Strategik STEM Nasional 2018-2025 sedang dimuktamadkan yang turut melibatkan pelajar-pelajar sekolah bagi memperkasa ekosistem STEM negara melalui penetapan strategi dan pelan tindakan menyeluruh serta bersepadu, dengan pelaksanaannya melibatkan pelbagai peringkat masyarakat dan pemegang taruh.

Usaha-usaha ini secara tidak langsung akan membantu inisiatif Kerajaan untuk menghasilkan tenaga-tenaga mahir dalam sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) yang amat diperlukan negara pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.